

Fahami punca generasi baharu semakin pelik, aneh

Agama mengikat segala tingkah laku manusia kerana agama mempunyai autoriti, datang dari tuhan yang mencipta manusia.

Tradisi pula datang daripada adat yang sudah lama diamalkan oleh sesebuah masyarakat, namun generasi baharu bagaikan tidak menghargai aturan agama dan ketetapan tradisi kerana mereka mahukan gaya hidup bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak.

Kecenderungan kepada kebebasan dan menolak tradisi menjadi rahsia umum kerana mereka generasi internet, saluran maya yang mengajar mereka erti kebebasan.

Tiada halangan dan larangan bila berada dalam dunia maya kerana mereka boleh akses dan berinteraksi dengan sesiapa yang dikehendaki. Tidak pula dimarahi apabila membelok ke kanan sedangkan 'waze' memberi panduan arah ke kiri. Inilah kelebihan internet.

Dalam dunia realiti, penuh dengan larangan dan arahan yang disusuli dengan marah dan herdik. Inilah perkara yang mereka tidak mahu kerana bagi mereka, tiada satu yang tetap dan

Komentari



Dr Muhammad Faisal Ashaari

Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam UKM

tidak berubah, semua sudah menjadi cair dan perlu mendakap kepelbagaian.

Cabaran kepada agama

Ini cabaran kepada agama dan tradisi, sekiranya kedua perkara ini tidak melakukan perubahan, ia akan dianggap lapuk, kolot dan mundur. Patutlah mereka rasa bosan dengan istilah tarbiah, taat, amal dan iman.

Ada kemungkinan kebosanan itu disebabkan pendekatan agama dan tradisi tidak sesuai dengan jiwa generasi baharu. Hidup mereka yang berteraskan teknologi menuntut semua perkara menjadi

cepat dan segera, mereka bosan jika lambat dan tidak berubah.

'Tak mainlah' teh tarik dan nasi dagang kerana itu cita rasa lama atau *old taste*. Pilihan mereka ialah makanan segera, cool blog ice, 'makaroni cheese', 'cabonara' dan masakan barat.

Mereka mahu yang baharu, sensasi, teruja, moden dan ada kelainan, mereka mahu diraikan pandangan, pendapat, hak dan keinginan. Yang lama, tradisional, lambat, garang, kasar dan bengis, semua membosankan.

Memang baharu tidak dapat elak daripada kebebasan, kelainan dan sensasi. Apabila ada pembaharuan, ia memaksa berubah dari zon selesa kepada zon baharu yang mungkin berdepan dengan pelbagai kemungkinan.

Apa yang pasti, tidak semestinya mengikut ketetapan autoriti dan amalan tradisi, ia mestilah mengikut kemahuan isi hati dan keinginan rasa nafsu. Apabila mereka mula ingin lolos dari ikatan tradisi Melayu dan panduan agama, maka jarum liberalisme bermula.

Kebebasan bukan dibuat-buat sehingga mereka perlu dimarahi untuk berubah, tetapi ia perkara yang menjadi semula jadi dalam diri mereka. Ia bukan salah acuan

pendidikan di rumah atau sekolah, tetapi itulah didikan mereka terima dari internet dan media baharu yang lebih berkesan.

Cuba lihat, apabila mereka bermain permainan video dan melayari Facebook, apabila dipanggil telinga mereka bagaikan tidak lagi mendengar kata-kata orang lain.

Mak panggil pun sudah tidak dengar, orang sebelah pun tidak dihiraukan. Betul-betul fokus dan berada dalam dunia mereka sendiri yang dinamakan dengan dunia siber.

Inilah nilai baharu ditanam kepada generasi baharu, mementingkan interaksi dengan teknologi dan alam siber berbanding lain.

Apabila media baharu sudah berada di tangan, mereka juga tidak segan dan tiada sebarang halangan untuk membuat komen dan bercakap apa sahaja yang mereka mahu.

Apabila ikut suka hati dan ikut suka mulut, maka gaya bahasa pun sudah jauh berbeza dan ada kelainan dengan nilai bahasa yang diamalkan. Bahasa keras, kasar, maki hamun, sinis, sarkastik dan sebagainya adalah gaya yang mereka amalkan.

Tidak kurang pula yang pandai cakap, komen dan 'poyo', tetapi

tidak pandai buat. Ini semua adalah sebahagian kesan secara tidak langsung dari internet dan media baharu yang telah banyak mengubah nilai masyarakat.

Pendekatan baharu dalam agama

Ringkasnya, mereka memerlukan pendekatan baharu dalam agama. Ya, teras dan akidah dalam agama tidak berubah, tetapi pendekatan perlu berubah. Contohnya, mereka tidak boleh terima kalau diperintah tanpa alasan logik dan ingin turut sama dalam membuat keputusan, barulah rasa dihargai.

Dari sudut tradisi Melayu pula, ia sesuatu yang membimbangkan kerana tiada yang tetap dalam sesebuah budaya, tilak seperti agama yang mempunyai kitab suci. Apa pun, ia mesti dipelihara dan dipertahankan menerusi nilai hidup yang baik dan universal.

Akhirnya, sebagai generasi lama, kita tidak boleh merungut bahawa generasi baharu jadi semakin pelik dan aneh, tetapi perlu memahami punca mereka jadi begitu. Dengan ini, kita tidak akan tertekan dan akan dapat memahami cara untuk mendekati mereka.